

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kluster Teratai menular jangkiti 'generasi kedua'

Warga kerja tidak tinggal di asrama jangkiti individu luar kawasan PKPD

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan mendapati Kluster Teratai di Meru, Klang, Selangor kini mula menular dalam kalangan generasi kedua apabila 152 individu dijangkiti dalam komuniti terabit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kepada 164 pekerja warga tempatan dalam Kluster Teratai yang tidak tinggal di asrama pekerja seperti warga asing.

"Setakat semalam, dianggarkan 152 kes positif COVID-19 dilaporkan peringkat komuniti dan di luar kawasan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) membabitkan Selangor dan Kuala Lumpur.

"Ada 164 warganegara duduk di rumah masing-masing. Apabila ada yang dijangkiti, mereka menjangkiti ahli keluarga.

"Kita dapati ada dua generasi jangkitan membabitkan ahli keluarga," katanya pada sidang media harian COVID-19, semalam.

Beliau berkata, saringan peringkat komuniti menggunakan ujian RTK-Ag dimulakan dalam kalangan penduduk di Meru, Klang, bagi kluster berkenaan



Petugas kesihatan mengambil sampel saringan COVID-19 ke atas penduduk di Dewan Orang Ramai Meru 3, Klang, semalam. (Foto BERNAMA)

dan Kementerian berharap jangkitan dalam Kluster Teratai dapat dibendung dalam komuniti.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian sedang mempertimbangkan untuk membenarkan kakitangannya dari Selangor dan Negeri Sembilan yang ditempatkan sementara di Sabah kembali ke negeri masing-masing.

Beliau berkata, pihaknya menerima permohonan berkenaan daripada Selangor dan Negeri Sembilan berikutan peningkatan kes COVID-19 di kedua-dua negeri ketika ini.

Katanya, Kementerian cuba mengerakkan kakitangannya

**Saringan peringkat komuniti menggunakan ujian RTK-Ag dimulakan dalam kalangan penduduk di Meru, Klang.**

**Dr Noor Hisham Abdullah,**  
Ketua Pengarah Kesihatan

apabila sesebuah daerah mencatatkan peningkatan jangkitan COVID-19.

"Di Selangor kita gerakkan kakitangan dalam negeri itu untuk bantu dalam saringan di beberapa kawasan berisiko iaitu 59 anggota perubatan dan 57 anggota kesihatan awam, manakala 64 anggota kesihatan awam digerakkan dari negeri lain.

"Kita juga menggerakkan perubatan bukan kerajaan (NGO) bersama Kementerian untuk ke Selangor contohnya Imam Response & Relief Team (IMARET), Mercy Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM)," katanya.

**KKM pantau keberkesanan vaksin Pfizer, BioNTech di Britain**

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan akan memantau penggunaan vaksin dihasilkan syarikat gergasi farmaseutikal, Pfizer dan BioNTech, secara darurat di Britain seawal minggu depan.

Isa susulan pengumuman kerajaan negara itu menerima cadangan Agensi Perundangan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (MHRA) untuk meluluskan vaksin COVID-19 Pfizer-BioTech.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kementerian akan melihat keberkesanan dan kesan sampingan penggunaan vaksin itu kepada khalayak di Britain selepas ia menjadi negara pertama memberikan kelulusan terhadapnya.

Beliau berkata, penggunaan vaksin terhadap warga Britain itu, bakal memberi masa kepada Kementerian untuk melihat kesannya.

Bagaimanapun, beliau berkata, pada masa ini Malaysia tidak akan mengikut jejak Britain itu walaupun ada negara lain mungkin menggunakan klausa atau kaedah darurat bagi penggunaan vaksin berkenaan tanpa mendaftarkan mengikut kaedah kebiasaan untuk vaksin dan ubatan.

"Kita tidak ada pengecualian dari segi pendaftaran vaksin secara darurat, sebaliknya perlu melalui proses seperti ditentukan dalam peruntukan undang-undang negara. Ini untuk memastikan keselamatan dan keberkesanan vaksin itu.

"Maka, pada saya kita dapat lihat keberkesanan dan kesan sampingan penggunaan vaksin itu di negara lain sementara kita dalam proses untuk pendaftaran," katanya pada sidang media harian COVID-19 semalam.

## Selangor rekodkan 249 lagi kes baharu

**Putrajaya:** Selangor terus merekodkan kes jangkitan harian COVID-19 tertinggi dalam negara yang setakat ini jumlah kumulatif kes mencecah 68,020 kes.

Sebanyak 249 kes jangkitan direkodkan di Selangor semalam, bersamaan 74.6 peratus daripada 334 kes dicatatkan di Lembah Klang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes jangkitan COVID-19 semalam turut kembali mencecah tiga angka iaitu 851 kes.

Katanya, pertambahan kes itu menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehhajngkitan di negara ini sebanyak 10,686 kes.

Beliau berkata, hanya empat kes import mendapat jangkitan dari luar negara dilaporkan semalam.

"Negeri kedua yang mencatatkan kes harian tertinggi hari ini (semalam) ialah Sabah iaitu 229 kes atau 26.9 peratus, diikuti Johor dengan pertambahan 102 kes baharu bersamaan 12 peratus.

"Sebanyak 17 kes (2.0 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara yang membabitkan Kluster Tembok (14 kes), Kluster Matambai (2) dan Kluster PTS Sibuga (1)," katanya pada sidang media CO-

VID-19, semalam.

Kali terakhir negara ini mencatatkan kes harian tiga angka ialah pada 26 November lalu iaitu 935 kes positif COVID-19.

Sementara itu, mengenai pertambahan kes di negeri lain, Dr Noor Hisham berkata Kuala Lumpur mencatatkan 83 kes baharu, diikuti Negeri Sembilan (62); Pulau Pinang (60); Perak (34); Kedah (26); Kelantan (2) serta Pahang dan Melaka masing-masing mencatatkan satu kes baharu.

Beliau berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 658 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya sebanyak 56,969 kes

**Fakta Nombor**

**68,020**  
Jumlah

kumulatif kes di Selangor

**334 Kes**

jangkitan di Lembah Klang semalam

atau 83.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Selain itu, beliau berkata, dua kes kematian dilaporkan semalam di Hospital Queen Elizabeth, Sabah, menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian COVID-19 sebanyak 365 kes atau 0.54 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, kes kematian ke-364 membabitkan kes 65,961 iaitu lelaki warga tempatan berusia 64 tahun yang mempunyai penyakit kencing manis, manakala kes kematian ke-365 iaitu kes 65,962 adalah lelaki warga asing berusia 63 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi dan asma.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Oleh Ekhwan Haque  
Fazlul Haque dan Nurul  
Hidayah Bahaudin  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia akan meneliti kesan sampingan dan keberkesanan vaksin Covid-19 yang akan digunakan pesakit di United Kingdom (UK), minggu depan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tempoh tiga bulan penggunaan di negara berkenaan memberi ruang kepada Malaysia untuk meneliti dan mengkaji keberkesanan vaksin itu.

Menurutnya, vaksin yang digunakan di UK masih belum didaftarkan dengan badan kesihatan antarabangsa kerana digunakan dalam keadaan darurat.

"Di Malaysia kita mempunyai akta dan vaksin yang mahu digunakan perlu menjalani ujian keberkesanan dan kesan sampingan selain didaftarkan di Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Jika tempoh tiga bulan pertama kurang kesan sampingan kepada pengguna di UK, (maka) ini akan menyakinkan kita menggunakan vaksin berkenaan," katanya dalam sidang media di Putrajaya, semalam.

UK dijangka menggunakan vaksin Covid-19, Pfizer-BioNTech yang sudah diluluskan untuk kegu-

# Teliti kesan Pfizer-BioNTech

Tempoh 3 bulan penggunaan di United Kingdom beri ruang untuk Malaysia kaji keberkesanan



PETUGAS Jabatan Kesihatan Daerah Klang mengambil sampel penduduk setempat yang hadir membuat ujian saringan Covid-19 ketika tinjauan di Dewan Masyarakat Taman Meru 3, Klang.

naan umum mulai minggu depan.

Ia menjadikan UK sebagai negara Barat pertama yang bakal menggunakan vaksin berkenaan.

Katanya, vaksin yang akan diterima Malaysia

kelak perlu didaftarkan dan kini masih menjalani ujian klinikal fasa ti-

ga dan sebarang keputusan dibuat berdasarkan data diperoleh menerusi ujian berkenaan.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM sudah mengatur langkah strategik untuk berdepan dengan banjir yang dijangka berlaku tidak lama lagi.

Katanya, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bersama Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) sudah meneliti aspek yang akan digunakan sekiranya banjir berlaku bagi mengelak penularan Covid-19.

“  
Vaksin yang mahu  
digunakan perlu  
menjalani ujian  
keberkesanan  
Dr Noor Hisham

## Lembah Klang 334 kes

Kuala Lumpur: Kes positif Covid-19 menunjukkan penurunan dengan 851 kes direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan kumulatif kes positif Covid-19 di negara ini sebanyak 68,020 kes dengan kebolehhajangan 10,686 kes.

Menurutnya, Lembah Klang merekodkan 334 kes dengan 249 dilaporkan di Selangor manakala Sabah mencatatkan 249 diikuti Johor sebanyak 102.

"Sebanyak 17 kes yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di Pusat Tahanan Sementara

(PTS) dan penjara yang membatikan

851 kes positif  
direkodkan  
semalam

Kluster Tembok (14 kes), Kluster Matambai (dua kes) dan Kluster PTS Sibuga (satu kes).

"Sehingga kini, terdapat 122 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 47 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM merekodkan dua lagi kematian dengan jumlah keseluruhan setakat ini 365 kes.

Beliau berkata, dua kematian itu membabitkan dua lelaki berusia 63 dan 84 tahun di Hospital Queen Elizabeth dan mempunyai rekod penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan asma.

Katanya, KKM juga merekodkan lima lagi kluster baharu semalam.



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 5  
 RUANGAN : NEGARA

# Kes harian turun ke tiga angka

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kes harian negara kini turun kepada tiga digit dengan 851 kes dilaporkan.

Jumlah tersebut antara lain disumbangkan oleh 44 kluster dengan tiga daripadanya merekodkan kes baharu tertinggi iaitu Kluster Batu Tujuh (51 kes), Kluster Beringin (36) dan Kluster Kaya (33).

Berdasarkan pecahan negeri, sebanyak 334 kes membabitkan negeri-negeri di Lembah Klang dengan Selangor merekodkan sebanyak 249 kes.

Pelaporan kes harian kedua tertinggi pula dicatatkan oleh Sabah dengan 229 kes diikuti Johor yang melaporkan sebanyak 102 kes.

Kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara mencatatkan sebanyak 17 kes melibatkan Kluster Tembok (14 kes), Kluster Matambai (dua) dan Kluster PTS Sibuga (satu).

Terdapat dua pertambahan kes kematian direkodkan di Sabah melibatkan dua lelaki berusia 63 dan 84 tahun sekali gus jumlah kematian Covid-19 terkini



**KERAJAAN Selangor menjalankan saringan bersasar secara percuma terhadap penduduk di empat lokaliti di Meru, Klang semalam.** – ZULFADHLI ZAKI

sebanyak 365 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lima lagi kluster baharu dilaporkan dan satu daripadanya Kluster Desa Pinang di Kepong, Lembah Pantai, Titiwangsa dan Cheras di Kuala Lumpur serta

Gombak di Selangor.

Menurutnya, kes indeks tersebut lelaki berusia 24 tahun dikesan dan susulan itu, sebanyak 25 kes dikenal pasti dalam kluster ini.

"Kluster Impian pula di Gombak dengan kes indeks wanita

berusia 27 tahun hasil saringan bergejala dan kemudian, sembilan lagi kes positif turut dikesan.

"Seterusnya, Kluster Baloi di Johor Bahru dan Pontian, Johor melibatkan kes indeks wanita berusia 42 tahun hasil saringan bergejala sekali gus sejumlah 30



**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
• Kes baharu	851
<b>Import: 4 Tempatan: 847</b>	
• Pulih	658
• Kematian	2
• Masih dirawat	10,686
• Jumlah kes sembuh	56,969
• Jumlah Kematian	365
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>68,020</b>

lagi kes dikenal pasti," katanya pada sidang akhbar semalam.

Beliau berkata, Kluster Jernai pula dilaporkan di Titiwangsa, Kuala Lumpur iaitu kes indeks lelaki berusia 29 tahun hasil saringan sebelum ke luar negara dan susulan itu, 13 lagi kes dikesan positif dalam kluster ini.

"Kluster baharu yang terakhir ialah Kluster Seri Wangsa turut melibatkan Titiwangsa dengan kes indeks wanita berusia 38 tahun hasil saringan bergejala dan kemudian, lapan lagi kes turut dikesan positif," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

# Adakah PKPB satu kegagalan?


**Analisis  
BERITA**

LIZA MOKHTAR



ROHAIZAT

Walaupun pelaksanaan PKP adalah kaedah paling berkesan, tetapi PKPB sebenarnya mengimbangkan antara hidup dan kehidupan



MALINA

**G**usar! Itu gambaran tepat perasaan ramai rakyat Malaysia pada ketika ini kerana peningkatan kes Covid-19 masih belum menunjukkan tanda akan reda walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan bagi memutuskan rantaian virus maut itu.

Bermula dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu, kerajaan kemudian melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 4 hingga 12 Mei yang kemudiannya dilanjutkan sehingga 9 Jun.

Sempat melalui fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun hingga 31 Ogos, kerajaan melaksanakan kembali PKPB di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya serta

Sabah bermula 14 Oktober sehingga 27 Oktober susulan peningkatan kes positif Covid-19.

PKPB itu kemudiannya diperbesarkan pelaksanaannya ke seluruh negara kecuali kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan bermula 9 November hingga 6 Disember rentetan Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Sabah yang merekodkan jumlah kes Covid-19 yang tinggi.

Biarpun PKPB kali ini diharap dapat mengurangkan kadar jangkitan sama seperti pelaksanaan PKP, namun melihat kepada laporan harian Kementerian Kesihatan (KKM) ternyata jumlah kes Covid-19 tetap mencecah empat angka hampir setiap hari.

## Bimbang

Dengan berbaki hanya tiga hari sebelum keputusan diketahui sama ada PKPB bakal ditamatkan atau sebaliknya, timbul persoalan adakah pelaksanaan PKPB gagal menjadi solusi kepada masalah peningkatan berterusan kes Covid-19 di negara ini?

Menjawab persoalan itu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Rohaizat Yon menegaskan, pelaksanaan PKPB bukan langkah yang gagal kerana sekiranya langkah tersebut tidak diambil, angka jangkitan Covid-19 di Malaysia pasti jauh lebih tinggi.

"Sebagai contoh, pada 10 November lalu, Imperial College meramalkan negara akan berdepan kira-kira 4,413 kes harian, namun kita hanya mencatatkan 869 kes, kadangkala melebihi angka 1,000 kes.

"Ini menunjukkan sekiranya langkah seperti PKPB dan lain-lain langkah yang berkaitan tidak dilaksanakan maka ramalan badan berprestij terbahit mungkin akan menjadi kenyataan," jelasnya kepada *Sinar Harian*.

Beliau yang menerima jolakan sebagai Panglima Perang KKM itu memahami kebimbangan rakyat berkenaan jumlah kes

yang tinggi namun pada masa sama beliau menegaskan bahawa kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi berkaitan telah dan akan terus mengambil pelbagai langkah perlu bagi menjaga keselamatan rakyat.

"Bagi kluster pekerjaan di kawasan pembinaan dan kilang misalnya, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang disasarkan khusus di lokaliti tersebut akan mengelakkan penularan kepada masyarakat luar," katanya lagi.

Persoalan sama ada tempoh PKPB perlu dilanjutkan atau tidak, Rohaizat berkata, ia terpuh kepada keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN), namun mungkin terdapat beberapa opsi yang boleh dipertimbangkan untuk fasa seterusnya.

"Kita ada baki beberapa hari dan MKN akan buat keputusan sama ada sambung atau tidak. Banyak opsi yang mungkin MKN boleh pertimbangkan. Mungkin sambung PKPP di seluruh negara atau mungkin juga di kawasan tertentu dibuat PKPB atau di lokaliti tertentu seperti penjara atau kilang dibuat PKPD bergantung kepada analisis dan situasi terkini," katanya lagi.

Rohaizat menambah, di sebalik usaha memerangi Covid-19, perkara paling utama adalah mengimbangkan antara 'hidup' dan 'kehidupan'.

"MKN akan mempertimbangkan opsi yang terbaik untuk mengimbangi antara langkah melawan Covid-19 dan menjaga ekonomi negara," tegas beliau.

Sesungguhnya, pandemik global yang telah menjangkiti lebih 63 juta penduduk dunia itu bukan sahaja menagih nyawa malah turut melumpuhkan sektor ekonomi.

Ia sekali gus memberi impak terhadap survival rakyat dan kerana itu adalah amat penting bagi negara mencari mekanisme ter-

baik mengatasi penularan Covid-19.

## Warga asing

Menurut Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Jabatan Mikrobiologi Perubatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Malina Osman, pelaksanaan PKPB adalah satu keputusan untuk mengimbangi keperluan mengekang wabak dan keperluan untuk meneruskan aktiviti ekonomi.

"Tidak dinafikan bahawa PKP sepenuhnya seperti yang dilaksanakan pada Mac dan April lalu adalah langkah terbaik tetapi pendekatan sedefinikan menyebabkan kerugian sangat besar kepada masyarakat dan negara," ujar Malina kepada *Sinar Harian*.

Malina yang turut bersetuju pelaksanaan PKPB dan langkah-langkah lain yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan pada masa ini tidak boleh disimpulkan sebagai gagal berkata, rakyat tidak perlu berasa terlalu bimbang dengan jumlah kes yang banyak kerana selagi semua pihak patuh dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan, wabak akan dapat dikawal.

"Sebahagian besar kes di Selangor misalnya melibatkan kluster pekerja warga asing dan majoriti mereka ditempatkan secara berasingan daripada masyarakat keseluruhan sementara penularan di peringkat komuniti pula boleh dielakkan dengan pematuan prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Malina menegaskan, PKPB perlu disertai dengan komitmen masyarakat sama ada warganegara dan warga asing, pekerja, pihak industri, ahli politik serta semua mereka yang merupakan pemegang taruh dalam negara.

"Mengharapkan PKPB sahaja tanpa penglibatan setiap pemegang taruh tersebut umpama melaksanakan pencegahan 'atas kertas'," tegas Malina.



Selepas lebih sebulan PKPB rakyat mulai bimbang kerana angka kes harian Covid-19 belum menunjukkan penurunan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# KKM kesan lima kluster baharu

Melibatkan kawasan KL, Selangor dan Johor

**KUALA LUMPUR**

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan lima lagi kluster baharu Covid-19 yang melibatkan kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster pertama iaitu Kluster Desa

Pinang yang melibatkan daerah Kepong, Lembah Pantai, Titiwangsa dan Cheras di Kuala Lumpur, selain Gombak di Selangor.

Kes indeks kluster itu iaitu kes ke-62,596 dilaporkan positif Covid-19 pada 28 November lalu hasil saringan individu bergejala. "Sehingga hari ini (semalam), seramai 120 individu telah disaring di mana 25 kes telah dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini," katanya pada sidang media mengenai perkembangan Covid-19 di Putrajaya di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kluster kedua iaitu Kluster

Impian pula telah dikesan di Gombak dengan kes indeks (kes ke-63,700) dilaporkan positif Covid-19 pada 29 November lepas hasil saringan individu bergejala.

Beliau berkata, sehingga semalam, 220 individu telah disaring dengan sembilan kes telah dikesan positif Covid-19 dalam kluster berkenaan.

Katanya, kluster ketiga iaitu Kluster Baloi pula dikesan di Johor Bahru dan juga Pontian, Johor dengan kes indeks (kes



DR NOOR HISHAM

ke-63,152) dilaporkan positif Covid-19 pada 28 November hasil saringan individu bergejala.

"Sehingga hari ini (semalam), seramai 166 individu telah disaring dengan 30 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini," katanya.

Menurutnya, kluster keempat ialah Kluster Jernai yang melibatkan daerah Titiwangsa di Kuala Lumpur, dengan kes indeks (kes ke-64,196) dilaporkan positif Covid-19 pada 29 November hasil saringan


sebelum ke luar negara.

Beliau berkata, sehingga semalam, 45 individu telah disaring dan 13 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster berkenaan.

Beliau berkata, kluster kelima pula adalah Kluster Seri Wangsa yang juga melibatkan Titiwangsa, Kuala Lumpur, dengan kes indeks (kes ke-64,193) dilaporkan positif Covid-19 pada 29 November hasil saringan individu bergejala.

"Sehingga hari ini (semalam) seramai 154 individu telah disaring, dengan lapan kes telah dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini," katanya. - Bernama

**SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM**



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Kluster Teratai merebak

KKM kesan dua generasi jangkitan bawakan ahli keluarga

Oleh TUAN BUQHAIHAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN

## PUTRAJAYA

Jangkitan Kluster Teratai yang bermula daripada asrama pekerja kilang Top Glove di Klang kini telah menular dalam komuniti di luar kawasan itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan sekurang-kurangnya 150 jangkitan dalam komuniti berkaitan kluster itu.

"Kita lihat sekarang ini warga asing tinggal di asrama dan penginapan disediakan majikan tetapi ada 164 pekerja tempatan yang duduk di rumah masing-masing," katanya.

Menurutnya, apabila pekerja tersebut dijangkiti Covid-19, ia telah menjangkiti ahli keluarga lain.

"Kita dapati sudah ada dua generasi jangkitan yang membabitkan ahli keluarga," katanya pada sidang akhbar perkembangan harian Covid-19 di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya telah memulakan saringan dalam komuniti untuk mengesan jangkitan tersebut.

"Kita menggunakan kit ujian pantas antigen (RTK-Ag) dalam kalangan



FOTO BERNAMA  
Petugas kesihatan membuat pemeriksaan ke atas pekerja Top Glove sebelum membawa keluar seramai 300 pekerja syarikat sarung tangan itu baru-baru ini.

penduduk di Meru, Klang," katanya.

Setakat ini, Kluster Teratai merekodkan sebanyak 5,083 kes positif Covid-19 daripada 6,609 individu yang disaring.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd Fakhrurazi Mohd Mokhtar memaklumkan bahawa seramai 11 penduduk Meru dijangkiti Covid-19.

Sementara itu, pada perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya sedang mempertimbangkan pegawai perubatan dan pasukan kesihatan awam yang ditempatkan secara sementara di Sabah supaya kembali semula bertugas di Selangor dan Negeri Sembilan.

"Ada permohonan daripada Selangor dan Negeri Sembilan untuk kembalikan petugas mereka berikutan kes yang tinggi di kedua-dua

negeri itu," katanya.

Menurutnya, KKM telah menggerakkan 59 pegawai perubatan dan 57 anggota kesihatan awam secara dalaman ke lokasi yang memerlukan.

"Seramai 64 anggota kesihatan awam juga digerakkan dari negeri lain," katanya.

Tambahnya, KKM turut mendapat sokongan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Imam Response & Relief Team (Imaret), Mercy Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

"Antara tugas-tugas yang diarahkan adalah siasatan kes Covid-19, pengesanan kontak rapat dan pengambilan sampel di lapangan.

"Ini membantu KKM untuk mengoptimalkan sumber manusia kita sekali gus mempercepatkan saringan di lapangan," katanya.

## PKPD di Zon B, Zon C Taman Meru 2C Ipoh dilanjut 7 hari

KUALA LUMPUR - Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Zon B, Zon C Taman Meru 2C Ipoh, Perak dilanjutkan tujuh hari lagi mulai Jumaat ini hingga 10 Disember, kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, lanjutan PKPD di lokaliti itu berikutan terdapat baki sampel ujian saringan Covid-19 yang belum mendapat keputusan.

"Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di kawasan itu bermula 20 November sehingga 3 Disember.

"KKM (Kementerian Kesihatan) melaksanakan sebanyak 1,793 saringan dan sebanyak 66 kes positif Covid-19 direkodkan di lokaliti tersebut.

"Berdasarkan nasihat dan penilaian risiko yang dilaksanakan oleh KKM, mesyuarat (Majlis Keselamatan Negara) hari ini bersetuju untuk melanjutkan PKPD di lokaliti tersebut," katanya pada sidang media harian perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan di sini semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri turut mengumumkan penamatan PKPD Penjara Seberang Perai dan Kuarters Perumahan Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang semalam.

Beliau berkata, sehingga kini, KKM telah melaksanakan 3,254 saringan dan secara kumulatif telah merekodkan 606 kes positif Covid-19.

"KKM mengesahkan kes positif terakhir yang dilaporkan adalah pada 29 November dan semua keputusan sampel ujian saringan telah pun diperoleh serta tiada lagi sampel yang masih menunggu keputusan," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, PKPD di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau, Penjara Sandakan dan Kuarters Penjara Taman Wira, Sandakan akan tamat esok seperti dijadualkan.

Beliau berkata, bagi PTS Tawau, KKM telah melaksanakan 2,613 saringan dengan 774 kes kumulatif positif Covid-19 direkodkan dan kes terakhir yang dilaporkan pada 30 November.

"Bagi Penjara Sandakan dan Kuarters Penjara Taman Wira, KKM telah membuat 1,809 ujian saringan dan sebanyak 799 jumlah kes kumulatif positif Covid-19 telah direkodkan," katanya.

Ismail Sabri turut mengumumkan penamatan PKPD Kampung Nahaba dan Kampung Tegudon, Kota Belud, Sabah hari ini. - Bernama

## ADUN Meru gesa Top Glove tutup semua 28 kilang

KLANG - Syarikat pembuat sarung tangan getah terbesar dunia, Top Glove digesa menutup kesemua 28 kilang dengan segera bagi membendung penularan wabak Covid-19 di kawasan berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd Fakhrurazi Mohd Mokhtar berkata, setakat semalam, difahamkan hanya 20 kilang syarikat itu ditutup untuk membolehkan pekerjaanya disaring dan melalui proses kuarantin manakala bakinya masih beroperasi dan akan ditutup secara berperingkat.

"Penutupan kilang secara total perlu dilakukan buat se-

mentara waktu sebab kita tak tahu siapa dijangkiti. Mungkin terdapat warga tempatan yang bekerja di Top Glove turut dijangkiti dan berisiko merebak.

"Oleh itu, saya mengharapkan kesemua kilang ditutup segera buat sementara waktu, mungkin dalam tempoh dua minggu untuk pastikan wabak ini tak merebak," katanya ketika melawat lokasi saringan komuniti bersasar di Dewan Masyarakat Taman Meru 3 di sini semalam.

Sementara itu, lebih 400 penduduk sekitar Meru iaitu Taman Meru 3, Taman Seri Meru, Taman Bayu dan Taman Desa Permai menjalani saring-



Mohd Fakhrurazi melawat lokasi saringan komuniti bersasar di Dewan Masyarakat Taman Meru 3, Klang semalam.

an Covid-19 percuma di pekarangan Dewan Masyarakat Taman Meru semalam.

Ketua Pegawai Operasi Selgate Corporation Sdn Bhd, Mahdzir Ibrahim berkata, sa-

ringan Covid-19 kali ini berbeza berbanding sebelumnya kerana menggunakan aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) dan penduduk perlu mendaftar sebelum

saringan.

"Penggunaan SELangkah akan berterusan selepas ini supaya keputusan makmal boleh diperoleh secara dalam talian dengan lebih mudah oleh peme-gang akaun," katanya.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKPD di asrama pekerja Top Glove yang tamat bulan lalu dan disambung bermula semalam sehingga 14 Disember.

Ita melibatkan 13,190 pekerja kilang itu yang menginap di asrama pekerja lelaki dan wanita serta hampir 1,200 penduduk di Jalan Abadi 1A/8, Jalan Abadi 1A dan Jalan Abadi 10A/KU8.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

2 DEATHS

# 851 NEW COVID-19 CASES RECORDED

Klang Valley registers the most cases with 334

TEH ATHIRA YUSOF  
PUTRAJAYA  
news@nst.com.my

**M**ALAYSIA recorded 851 new Covid-19 cases yesterday, raising the tally of infections to 68,020.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there were 10,686 active cases.

Four cases yesterday were imported and the remaining 847 were local transmissions.

He said the Klang Valley recorded the most cases with 334 (39.2 per cent).

"Selangor had 249 cases, followed by Sabah (229) and Johor (102)," he said at the Covid-19 daily briefing in Putrajaya.

Dr Noor Hisham said 17 cases involved clusters at temporary detention centres and prisons: Tembok cluster with 14 cases, Matambai cluster (two) and PTS Sibuga cluster (1).

A total of 122 patients are being treated in intensive care units, with 47 requiring breathing assistance.

"Two more Covid-19 deaths were recorded yesterday, all in

Sabah, raising the tally to 365."

Malaysia recorded 658 recoveries yesterday, bringing the tally of recovered cases to 56,969.

Dr Noor Hisham said five clusters were detected yesterday, all of them in the peninsula.

Four of the clusters — Desa Pinang, Impian, Baloi and Seri Wangsa — were detected from those who tested positive following Covid-19 symptomatic screening tests.

The Jernai cluster was the only cluster detected from a Covid-19 screening test for those about to travel abroad, he said.

"The Jernai cluster covers Titiwangsa, with the index case (Case 64,196) testing positive on Nov 29. Forty-five people were screened and 13 were found positive."

The Desa Pinang cluster covers Kepong, Lembah Pantai, Titiwangsa and Cheras in Kuala Lumpur as well as Gombak in Selangor.

He said the cluster was detected after the index case (Case 62,596) tested positive on Nov 28, following a screening test of a symptomatic person.

"Up to today (yesterday), 120 people were screened and 25 were found positive."

On the Impian cluster that covers Gombak in Selangor, he said the index case (Case 63,700) was found positive on Nov 29.

"A total of 220 people were screened and nine tested positive up to today (yesterday)."



Quarantined Top Glove factory workers lining up to get food in Klang on Tuesday. PIC BY FAIZ ANUAR

The Baloi cluster, involving Johor Baru and Pontian, came from the index case (Case 63,152) who tested positive on Nov 28.

He said screenings of 166 people in the cluster found 30 people infected up to yesterday.

The Seri Wangsa cluster, in-

volving Titiwangsa in Kuala Lumpur, came from the index case (Case 64,193), who was found positive on Nov 29.

"Eight more cases from the cluster were found following a screening of 154 people."

Dr Noor Hisham said the Ca-

haya and Alma clusters ended yesterday.

"There are 183 active clusters being monitored, with 44 clusters recording new cases. They are Batu Tujuh with 51 cases, Beringin cluster (36) and Kaya cluster (33)."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

# The overlooked Covid-19 symptom

## Experts believe loss of smell among Asian patients may be under-reported

By CLARISSA CHUNG  
clarissachung@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The loss of smell among Covid-19 patients may be more common than thought, with higher incidences reported among female patients than in males, a study by Malaysian scientists showed.

A recent meta-analysis – the examination of data from multiple studies on the same subject – conducted by Malaysian academicians suggested that the loss of smell may be an under-reported symptom among Covid-19 patients.

They also found more cases of smell dysfunction were reported among females (61.4%) compared to males (38.6%).

"This could be explained by gender-related variation in the inflammatory process, or that more women are willing to take part in the studies.

"Another reason might be that women tend to be sensitive to any change in their chemosensory function," the authors said.

They also found that higher reported smell dysfunctions were observed in European (54%) and North American (51%) populations compared to Asians (31%).

"The underlying socio-cultural background of Asian patients such as their reserved nature or lack of awareness of smell dysfunction as a symptom might account for this," they said.

The scientists added that there was also the possibility that healthcare workers might be more focused on looking out for critical



### Testing times:

Healthcare workers taking swab samples for Covid-19 from residents at Dewan Masyarakat Taman Meru 3, Klang. Scientists say there was the possibility that healthcare workers might be more focused on looking out for critical symptoms such as lung infection rather than the loss of smell in patients. — KK SHAM/The Star

symptoms such as lung infection rather than the loss of smell.

"This study highlights the significance of smell loss as an early symptom of Covid-19 patients. The findings of under-reporting in Asians and in men imply that it must be specifically queried to avoid misdiagnosis," they said.

In the study, a larger percentage of Covid-19 patients were found to have lost their sense of smell when objective means were used to measure smell dysfunction, compared to subjective methods.

"Interestingly, the prevalence of olfactory dysfunction was observed to be higher in Covid-19

patients on objective rather than subjective evaluations (72.1% versus 44.53%).

"This could be attributed to the fact that most Covid-19 patients are unaware of their olfactory dysfunction leading to the possibility of underestimation," they added.

They cited a study in which 98% of Covid-19 patients were found to have olfactory dysfunction after taking the University of Pennsylvania smell identification test, when only 35% of them were initially aware of their symptoms.

"Thus it is worth noting that the prevalence of olfactory dysfunction may be higher if tested objectively,"

they said.

Quantitative testing of smell loss, they proposed, may provide rapid and cheap modality to screen Covid-19 in a large population.

"Applying a specific questionnaire to detect olfactory dysfunction, especially in those with suspicious flu-like symptoms, travel history from affected countries and contact with Covid-19 patients, may enhance the pick-up rate of infected patients," the study said.

The study, titled "Prevalence of olfactory dysfunction in coronavirus disease 2019 (Covid-19): A meta-analysis of 27,492 patients", was published in the medical jour-

nal *The Laryngoscope* on Nov 20.

The meta-analysis looked at data from 83 high-quality studies from 27 countries and was authored by Dr Jeyasakthy Saniasiaya from Universiti Malaya, Dr Md Asiful Islam and Prof Dr Baharudin Abdullah, both from Universiti Sains Malaysia.

The authors had also found that the overall prevalence of smell dysfunction among Covid-19 patients was about 48%.

"Anosmia, hyposmia and dysosmia were observed in 35.39%, 36.15% and 2.53% of the patients respectively," they wrote.

Anosmia is the partial or complete loss of smell, hyposmia is the decreased sense of smell while dysosmia is disordered smell perception.

The loss of smell was also higher among patients with a mild case of Covid-19 patients (47.48%), compared to those with a severe case of the infection (only 9.02%).

They suggested more research to be conducted to determine the specific odours that may be affected by the Covid-19 infection.

"By identifying the specific associated odour linked to the infection, a simple smell test can be developed particularly to screen for Covid-19," they said.

They also found that nasal symptoms among Covid-19 positive patients were scarcely reported.

This suggests that while there is evidence of a strong link between Covid-19 and loss of smell, runny or blocked noses do not appear to be common symptoms among Covid-19 patients.